

Al-Sultan Abdullah sebak

Sinar Harian (16/01/2019) M/S 02

FOTO: BERNAM

Mohon rakyat
doakan
kesejahteraan
ayahanda
baginda yang
gering

NIK AMIRUL MUKMIN
NIK MIN & NOR KHALILAH
GUSTI HASSAN

PEKAN

Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah, semalam dimasyhurkan sebagai Sultan Pahang ke-6 menggantikan paduka ayahanda baginda, Sultan Ahmad Shah.

Pemasyhuran penuh adat istiadat diraja berlangsung di Balaiong Seri Istana Abu Bakar, di sini.

Al-Sultan Abdullah sebak sehingga mengesat air mata ketika menyampaikan Titah Diraja sebagai Sultan Pahang ke-6.

Suara baginda tersekat-sekat ketika mengajak rakyat mendoakan kesejahteraan ayahanda baginda, Sultan Ahmad Shah yang gering.

"Saya memohon sekalian rakyat jelata menadah tangan ke hadirat Ilahi, memohon apalah sudi kiranya juga dilindungi dan dirahmati Ke



Al-Sultan Abdullah dan Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah menitiskan air mata ketika menyampaikan Titah Diraja pada Istiadat Pemasyhuran Sultan Pahang Keenam di Istana Abu Bakar, semalam.

bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Al-Marhum Sultan Abu

Bakar Ri'ayatuddin Mu'adzam Shah," titah baginda sambil kelihatan menyeka air mata.

Al-Sultan Abdullah bertitah, baginda insaf atas kurniaan ALLAH SWT untuk menjunjung susur galur

**Saya turut
insaf dan
berasa kerdil pula**

akan ditentukan dalam masa terdekat selepas berbincang dengan ahli keluarga.

Bagaimanapun, bagind

takhta kerajaan Pahang yang diriwayatkan sejak 1882.

"Saya turut insaf dan berasa kerdil pula tubuh ini kerana takhta ini diwarisi daripada Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah.

"Baginda seorang raja pemerintah yang adil, berbudi luhur bukan kepalang dan dikasihi serta disanjung setiap lapisan rakyat jelata. Ia akan terpahat segar dalam lipatan sejarah," titah baginda.

Sementara itu, ketika ditemui media selepas istiadat pemasyhuran itu, Al-Sultan Abdullah menyifatkan

tubuh ini kerana takhta ini diwarisi daripada Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah."

- Al-Sultan Abdullah

istiadat berkenaan cukup bermakna bagi baginda.

Baginda bertitah, amanah itu akan dilaksanakan sebaik mungkin dengan menyerahkan tenaga, nyawa dan masa kepada Pahang.

Titah baginda, pengganti Tengku Mahkota Pahang

membayangkan penggantian itu sudah dijangka jika berdasarkan tradisinya.

"Saya akan putuskan pengganti nanti dan mengumumkan dalam masa terdekat," titah baginda.

Mengikut tradisi, Tengku Panglima Besar, Tengku Hassanul Ibrahim Alam Shah Sultan Abdullah, 23, mungkin akan sebagai Tengku Mahkota Pahang.

Tengku Panglima Besar kini sedang melanjutkan pengajian di Akademi Tentera Diraja Sandhurst di United Kingdom selama satu tahun.

Warisi sifat budiman ayahanda, bonda: Pengasuh

U.R.L.
M.B.P.J.

PEKAN - Sifat budiman dan rendah diri Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah diwarisi daripada Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah dan bonda baginda, Tengku Ampuan Afzan Tengku Muhammad.

Malah, sejak kecil baginda sangat mudah dijaga kerana sifat yang baik dan tidak nakal seperti kanak-kanak lain.

Perkara itu dikongsi pengasuh

baginda, Hashimah Mat Ali, 80, yang bersyukur dan gembira kerana sempat melihat anak asuhannya itu menaiki takhta.

Digelar 'Umi' oleh baginda, Hashimah berkata, dia mengasuh baginda sejak berusia tiga hari dan terus menjaga kebajikan baginda sehingga berusia 10 tahun.

"Ketika mula mengasuh saya berumur 17 tahun dan ada jugalah

rasa bimbang kerana perlu menjaga anak Sultan pada waktu itu.

"Namun sikap serta layanan baik bonda (Almarhum Tengku Ampuan Afzan) dan ayahanda (Sultan Ahmad Shah) baginda terhadap saya menghakis rasa bimbang," katanya ketika ditemui, di sini semalam.

Hashimah yang turut hadir semasa menyaksikan Istiadat Pemasalahan Sultan Pahang di Istana Abu

Bakar semalam dilihat sempat bertemu Al-Sultan Abdullah dan Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah selepas majlis santap.

Tunku Azizah sendiri dilihat tidak dapat menahan perasaan sebab sebaik menemui beliau dan pasangan diraja itu dilihat memeluk Hashimah yang mengucapkan tahniah atas pemasalahan.

Berkongsi pengalaman mengasuh baginda, Hashimah berkata Al-Sultan Abdullah amat gemar bersantap coklat dan kacang sewaktu kecil.

"Baginda seorang anak yang mudah dijaga...tidak banyak ragam. Kalau selepas bangun tidur, baginda akan santap roti dan telur. Minuman baginda ialah air Milo," katanya.

Bernama

Istiadat berlangsung sempurna

Sinar Harian (16/01/2019) M/S 03

**Al-Sultan Abdullah
lafaz sumpah
sebagai Raja
Pemerintah negeri
Pahang**

PEKAN

Istiadat Pemasalahan Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah berlangsung sempurna di Balai Rong Seri Istana Abu Bakar, semalam.

Baginda dan Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah tiba di

Tengku Abdul Rahman yang membacakannya di bawah Perkaranya 9A Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang (Bahagian Pertama).

"Maka dengan ini dimasyhurkan bagi pengetahuan orang ramai bahawa Jemaah Pangkuan Negeri kali ke-110 yang bermesyuarat pada 11 Januari 2019 bersamaan 5 Jamadilawal 1440 Hijrah dan mengikut hukum syarak bersetuju, memilih, melantik dan memasyhurkan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahkota Tengku Abdullah Alhaj menjadi raja pemerintah yang menaiki takhta negeri Pahang menggantikan ke bawah Duli

Gelaran baharu Sultan Pahang

NAMA dan gelaran rasmi Sultan Pahang ke-6 diisytihar sebagai Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Sultan Ahmad Shah bermula semalam.

Nama dan gelaran tersebut membawa maksud Al-Sultan Abdullah pembela agama yang terpilih oleh ALLAH.

Pemasalahan baginda sebagai Sultan Pahang melayakkan baginda dalam senarai pemilihan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 berikutan peletakan jawatan Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V sebagai yang di-Pertuan Agong ke-15 pada 6 Januari lepas.

Mengikuti konvensyen penggiliran senarai sembilan beraja, turutan negeri dalam pusingan pertama sejak sistem penggiliran ini sejak 1957 ialah Negeri Sembilan, Selangor, Perlis, Terengganu, Kedah, Kelantan, Pahang, Johor dan Perak.



pekarangan istana kira-kira jam 10.30 pagi, disambut para pembesar istana dan tujuh orang Kerabat Pengiring sebelum diiring masuk ke Balairong Seri.

Istiadat dimulakan dengan Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah menghadap masuk dan merafak sembah diimbali Tengku Arif Temenggong Tengku Fadh Muadzam Shah dan Orang Kaya Indera Pahlawan, Datuk Seri Wan Abdul Wahid Wan Hassan.

Persembahan Pemasyuhuran Pelantikan Raja disempurnakan

Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah berkuat kuasa 11 Januari 2019 bersama 5 Jamadilawal 1440 Hijrah.

"Maka demikian ketahuilah pada semua yang hadir seluruh rakyat Pahang dan semua orang supaya mengambil maklum dan menjunjung taat setia kepada ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdullah Alhaj Sultan Haji Ahmad Shah," katanya.

Selesai membaca Pemasyuhuran Pelantikan Raja, Tengku Abdul Rahman mempersembahkan watikah tersebut kepada Al-Sul-

tan Abdullah disusuli Orang Kaya Indera Pahlawan yang kemudian mengadap mempersembahkan Titah Ikrar untuk dibacakan baginda.

Al-Sultan Abdullah melafazkan sumpah sebagai Sultan dan Raja Pemerintah bagi negeri Pahang dan jajahan takluknya.

"Bahawa beta dengan sesungguhnya mengaku dan taat setia bagi menjalankan dengan adil dan amanah pemerintahan bagi negeri Pahang dan segala jajahan takluknya mengikut

sebagaimana Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang yang telah dan akan disahkan serta dimasyhurkan dari semasa ke semasa," ikrar baginda.


Usai menyempurnakan Titah Ikrar, disambut laungan takbir Allahuakbar dan Daulat Tuanku oleh Tengku Muda dan disambut hadirin serta rakyat.

Istiadat disusuli perutusan taat setia oleh Tengku Muda mewakili Kerabat Kerabat Bergelar, Ahli-ahli Jumaah Pangkuan Diraja Negeri, Kerabat-Kerabat dan Orang Besar Negeri dan Sembah Ikrar Taat Setia oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail mewakili Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, wakil rakyat, pegawai kerajaan, badan berkanun dan rakyat.

Kemuncak istiadat, Al-Sultan Abdullah menyampaikan Titah Diraja.

Baginda berangkat meninggalkan Balairong Seri usai bacaan doa oleh Mufi Pahang, Datuk Seri Abdul Rahman Othman dan bersantap di Dewan Mulia.

Sebelum berangkat pulang kira-kira jam 1.30 petang, baginda berdua berkenan mencemar duli untuk bersama-sama menyantuni rakyat jelata di Dewan Mulia dan meninggalkan Istana Abu Bakar menaiki Bentley hitam.



Al-Sultan Abdullah melafazkan sumpah sebagai Sultan dan Raja Pemerintah bagi negeri Pahang.



Tengku Abdul Rahman menyempurnakan istiadat Pemasyuhuran Pelantikan Raja.